



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perihal Dagangan (Pindaan) 1982
DR.8/1982

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 1972.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 1982.

Tajuk ringkas.

2. Akta Perihal Dagangan 1972, yang dalam Akta ini disebut “Akta ibu”, adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “tentang harga barang?” dalam tajuk panjang, perkataan-perkataan “melarang membuat pernyataan-pernyataan yang palsu atau yang mengelirukan tentang apa-apa perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan-kemudahan yang diadakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan;”.

Pindaan tajuk panjang.
Akta 87.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan atau memasukkan di mana sesuai dalam seksyen 2 takrif “iklan” dan “terbit” yang berikut :

Pindaan seksyen 2.

“iklan” termasuk tiap-tiap bentuk pengiklanan (sama ada atau tidak disertakan atau ada kaitan dengan perkataan-perkataan yang ditutur atau ditulis atau dengan tulisan atau bunyi-bunyi lain dan sama ada

atau tidak terkandung atau dikeluarkan dalam penerbitan) dengan cara mempamerkan notis atau melalui katalog, senarai harga, pekeliling, label, kad atau lain-lain suratan atau kenyataan atau dengan menunjukkan filem atau gambar atau fotograf, atau melalui radio atau televisyen, atau dengan apa-apa cara lain;”

“terbit”, berhubung dengan suatu iklan, ertinya menunjukkan iklan kepada orang ramai atau seseorang dengan apa cara jua, dan “penerbitan” hendaklah diertikan sewajarnya;”.

Pindaan
seksyen 4.

4. Seksyen 4 (1) Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan-perenggan (a) dan (aa) yang berikut:

“(a) jenis atau nama;

(aa) kuantiti, saiz atau ukuran;” dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan (gg) yang berikut:

“(gg) kualiti lain daripada yang ditetapkan dalam perenggan-perenggan terdahulu;”.

Seksyen
7A baru.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7 seksyen 7A yang berikut:

“Anggapan
tanggungan
ke atas
pengiklan,
dll.

7A. Orang-orang yang berikut hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah menggunakan perihal dagangan dalam mana-mana iklan:

(a) orang yang secara langsung atau tidak langsung menawarkan untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan;

(b) orang yang bagi pihaknya iklan dibuat.”.

Seksyen
14A baru.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 14 seksyen 14A yang berikut:

“Harga di-
sifatkan
termasuk
cukai.

14A. Jika dalam mana-mana iklan harga apa-apa barang atau perkhidmatan ada disebut, maka harga itu hendaklah, melainkan jika nyata disebaliknya, disifatkan termasuk semua cukai kerajaan, duti dan apa-apa caj lain.”.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan Seksyen 15A baru.
selepas seksyen 15 seksyen 15A yang berikut :

“Pernyataan palsu atau yang mengelirukan mengenai perkhidmatan, dll. 15A. (1) Adalah menjadi suatu kesalahan bagi seseorang dalam perjalanan sesuatu perdagangan atau perniagaan—

(a) membuat pernyataan yang ia ketahui adalah palsu; atau

(b) tanpa hemat membuat sesuatu pernyataan palsu; atau

(c) membuat apa-apa pernyataan yang mungkin memperdaya atau mengelirukan seseorang,

mengenai mana-mana perkara berikut, iaitu—

(i) mengadakan apa-apa perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan dalam perjalanan sesuatu perdagangan atau perniagaan;

(ii) jenis apa-apa perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan yang diadakan dalam perjalanan sesuatu perdagangan atau perniagaan;

(iii) bila masanya, bagaimana caranya atau orang-orang yang olehnya perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan yang diadakan itu;

(iv) pemeriksaan, kelulusan atau penilaian oleh seseorang akan sesuatu perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan yang diadakan itu; atau

(v) letakan atau keselesaan mana-mana tempat tinggal yang diadakan itu.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini—

(a) apa-apa jua (sama ada atau tidak pernyataan mengenai apa-apa perkara yang dinyatakan dalam seksyen kecil yang terdahulu) yang mungkin diambil

kira sebagai suatu pernyataan mengenai mana-mana perkara yang boleh jadi palsu hendaklah disifatkan sebagai suatu pernyataan palsu mengenai perkara itu; dan

(b) suatu pernyataan yang dibuat tidak kira sama ada ianya benar atau palsu hendaklah disifatkan telah dibuat tanpa berhemat, sama ada atau tidak orang yang membuatnya ada sebab mempercayai bahawa ia mungkin palsu.

(3) Berhubungan dengan apa-apa perkhidmatan yang mengandungi atau yang termasuk pengenaan apa-apa pengawetan atau proses atau perjalanan apa-apa pembaikan, perkara-perkara yang tersebut dalam seksyen kecil (1) hendaklah dianggap sebagai termasuk kesan pengawetan, proses atau pembaikan.

(4) Dalam seksyen ini, "palsu" ertinya palsu setakat darjah yang matan dan "perkhidmatan" tidak termasuk apa-apa yang dilakukan di bawah kontrak perkhidmatan."

Pindaan
seksyen 18.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 18 dengan seksyen 18 yang berikut:

"Penalti
kerana
kesalahan.

18. (1) Seseorang, selain daripada suatu pertubuhan perbadanan, tetapi termasuk pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dari suatu pertubuhan perbadanan, yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini yang mana tidak ada penalti lain ditetapkan, boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak lebih daripada dua ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam tahun atau kedua-duanya.

(2) Seseorang yang menjadi pertubuhan perbadanan yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini yang mana tidak ada penalti lain ditetapkan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit.”.

9. Seksyen 20 Akta itu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 20.

(a) dengan memasukkan selepas perkataan “sawajar-nya” dalam seksyen kecil (1) perkataan-perkataan “sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 18 (1) dan 18 (2)”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “sekshen ini” dalam seksyen kecil (3) perkataan-perkataan “dan dalam seksyen 18 (1)”.

10. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 20 seksyen 20A yang berikut:

Seksyen:
20A baru.

“Prinsipal
bertang-
gungjawab
bagi
perbuatan
penjawat
atau
ejen.

20A. Jika ejen atau penjawat seseorang melakukan kesalahan atau membuat atau meninggalkan sesuatu perbuatan (yang jika dibuat atau ditinggalkan oleh orang itu akan menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini), orang itu hendaklah, walaupun ia tidak ada pengetahuan mengenai kesalahan itu, disifatkan bersalah melakukan kesalahan itu dan boleh dihukum bagi kesalahan itu melainkan jika ia membuktikan bahawa—

(a) perbuatan atau ketinggalan yang diadukan bukan dalam bidang pekerjaan penjawat atau agensi ejen; atau

(b) perbuatan atau ketinggalan yang diadukan telah dilakukan atau ditinggalkan tanpa dipersetujui atau dibiarkan olehnya dan bahawa ia telah melakukan segala usaha untuk mengelakkan perbuatan atau ketinggalan itu sebagaimana ia sepatutnya melakukan dengan memikirkan segala hal keadaan kes itu.”.

Pindaan
seksyen 22.

11. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan seksyen kecil (1) dengan yang berikut:

“Meng-
ambil
contoh-
contoh.”

22. (1) Tertakluk kepada apa-apa perintah di bawah seksyen kecil (2), jika apa-apa barang yang menjadi hal perkara apa-apa kesalahan di bawah Akta ini terdapat dalam dua atau lebih bungkusan atau bekas yang perihalnya adalah sama, maka hendaklah dianggap sehingga sebaliknya dibuktikan bahawa semua bungkusan atau bekas itu adalah mengandungi barang-barang yang sama jenis, kuantiti dan kualitinya.”; dan

(b) dengan memotong perkataan-perkataan “(lain daripada pembicharaan bagi suatu kesalahan yang termasuk dalam peruntukan yang lalu dalam sekshen ini)” dalam seksyen kecil (2).

Pindaan
seksyen 24.

12. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “yang berakhir tujuh hari genap sa-belum pembicharaan” dalam seksyen kecil (2) dengan perkataan-perkataan “empat belas hari genap selepas ia dipertuduh dalam mahkamah”.

Pindaan
seksyen 26.

13. Seksyen 26 (2) Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “Akta ini dan” dalam baris empat dengan perkataan-perkataan “Pengawal dan Timbalan Pengawal”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “kapada-nya” dalam baris lima dan enam dengan perkataan-perkataan “kepada mereka”.

Pindaan
seksyen 28.

14. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas seksyen kecil (2) seksyen kecil (2A) yang berikut:

“(2A) Jika barang-barang atau suratan yang diambil oleh Penolong Pengawal dalam menjalankan kuasa-kuasanya di bawah seksyen ini disebabkan oleh jenis saiz atau

amaunnya adalah tidak praktik untuk dipindahkan dari tempat dijumpai, ia boleh dengan apa-apa cara melak barang-barang atau suratan di dalam premis atau bekas di mana barang-barang atau suratan itu dijumpai dan adalah menjadi suatu kesalahan bagi seseorang tanpa kuasa yang sah di sisi undang-undang untuk memecah atau memindahkan barang-barang atau suratan itu atau cuba berbuat demikian.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas seksyen kecil (3) seksyen kecil (3A) yang berikut:

“(3A) Walau apa pun peruntukan seksyen kecil (3), jika Penolong Pengawal yang diberi kuasa khas secara bertulis oleh Menteri bagi maksud seksyen ini ada sebab-sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa dengan sebab kelengahan mendapatkan waran, apajua barang, buku atau suratan di dalam premis itu mungkin dipindahkan, maka pegawai itu boleh menjalankan dalam, ke atas atau berkenaan dengan premis barang, buku dan suratan itu semua kuasa dengan cara penuh dan cukup seolah-olah ia diberikuasa melalui waran yang dikeluarkan di bawah seksyen kecil itu.”.

15. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28 seksyen-seksyen 28A dan 28B yang berikut:

Seksyen
28A dan
28B
baru.

“Pernyataan
boleh
diterima
sebagai
keterangan.

28A. (1) Jika seseorang dipertuduh atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan sama ada pernyataan itu terjumlah kepada suatu pengakuan-salah atau tidak atau secara lisan atau bertulis yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada semasa sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini atau tidak dan sama ada atau tidak kesemua atau sebahagian daripadanya bagi menjawab soalan-soalan, oleh orang itu kepada atau dalam pendengaran seorang Penolong Pengawal dan sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh seorang Penolong Pengawal atau mana-mana orang

lain yang berkenaan atau tidak dalam kes itu boleh, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, diterima sebagai keterangan dalam pembicaraannya dan, jika orang itu menawarkan dirinya sebagai seorang saksi, apa-apa pernyataan itu boleh digunakan dalam pemeriksaan-balas dan bagi maksud mencabar kebenarannya :

Dengan syarat bahawa—

- (a) tiada apa-apa pernyataan itu boleh diterima atau digunakan seperti tersebut di atas—
 - (i) jika pembuatan pernyataan itu pada pendapat mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji mengenai pertuduhan terhadap orang itu, yang datangnya dari seseorang yang berkuasa dan yang pada pendapat mahkamah mencukupi untuk memberi orang itu alasan-alasan yang pada pendapatnya adalah munasabah untuk menganggap bahawa dengan membuat pernyataan itu ia akan mendapat faedah atau dapat mengelakkan apa-apa kejahatan dari jenis keduniaan berhubungan dengan pembicaraan terhadapnya itu; atau
 - (ii) mengenai sesuatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu selepas ia ditangkap, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa ia telah diberi amaran dengan perkataan-perkataan berikut atau perkataan-perkataan yang bermaksud sedemikian :

“Adalah menjadi kewajipan saya untuk memberi amaran kepada kamu bahawa kamu

tidaklah diwajibkan menyatakan sesuatu atau menjawab apa-apa soalan, tetapi apa jua yang kamu nyatakan, sama ada sebagai menjawab sesuatu soalan atau tidak boleh diberi sebagai keterangan.”; dan

(b) sesuatu pernyataan yang dibuat oleh sesiapa jua sebelum sempat ia diberi memberinya amaran tidak boleh dijadikan sebagai tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata oleh sebab ia tidak diberi amaran jika ia diberi amaran dengan seberapa segera yang boleh.

(2) Walau apa pun peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, seseorang yang dituduh atas sesuatu kesalahan yang baginya dipakai seksyen kecil (1), tidak diwajibkan menjawab apa-apa soalan berhubung dengan kes itu selepas ia diberi amaran.

Kuasa
menangkap,
menyiasat
dan
mendakwa.

28B. (1) Seseorang Penolong Pengawal boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang ia mempercayai telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, jika orang itu enggan memberi nama dan alamatnya atau memberi alamat di luar Malaysia, atau ada sebab-sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa ia telah memberi nama atau alamat palsu atau bahawa ia mungkin melarikan diri:

Dengan syarat bahawa apabila seseorang itu telah ditangkap sebagaimana tersebut di atas ia hendaklah kemudian daripada itu diselenggarakan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kanun Prosedur Jenayah.

(2) Penolong Pengawal boleh, berhubung dengan apa-apa penyiasatan berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, tanpa perintah Pendakwa Raya, menjalankan kuasa-kuasa khas berhubung dengan penyiasatan polis yang diberi oleh Kanun Prosedur Jenayah dalam apa-apa kes boleh tangkap.

(3) Apa-apa pendakwaan berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dijalankan oleh Penolong Pengawal.”.

Pindaan
seksyen 29.

16. Seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen kecil (3).

Jadual
Kedua
dipotong.

17. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong Jadual Kedua.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perihal Dagangan 1972.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda tajuk panjang Akta untuk memasukkan di dalamnya sebutan tentang membuat pernyataan yang palsu atau yang mengelirukan mengenai apa-apa perkhidmatan, penempatan atau kemudahan yang diadakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan untuk meluaskan lagi bidang Akta. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan menggantikan takrif “iklan” yang sedia ada dengan takrif baru untuk meliputi semua jenis iklan. Ia juga bertujuan memasukkan ke dalam seksyen itu satu takrif “terbit” baru. Pindaan yang termasuk dalam *fasal 4* adalah bertujuan untuk memasukkan ke dalam seksyen 4 (1) Akta pernyataan mengenai kualiti barang, selain daripada yang ditetapkan pada masa sekarang dalam seksyen itu, sebagai perihal dagangan.

3. *Fasal 5* adalah bertujuan untuk memasukkan suatu seksyen baru 7A ke dalam Akta mengenai anggapan tanggungan pengiklan berhubung dengan perihal dagangan. Ia menerangkan keadaan di mana kalangan orang-orang yang hendaklah disifatkan telah menggunakan perihal dagangan dalam apa-apa iklan. *Fasal 6* mengandungi seksyen baru 14A kepada Akta yang memperuntukkan bahawa dalam apa-apa iklan di mana harga apa-apa barang atau perkhidmatan ada disebut, harga itu hendaklah disifatkan meliputi semua cukai kerajaan, duti dan apa-apa caj lain melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

4. Pindaan dalam *fasal 7* adalah bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 15A ke dalam Akta untuk menjadikan suatu kesalahan bagi seseorang dalam perjalanan apa-apa perdagangan dan perniagaan membuat pernyataan yang palsu atau mengelirukan mengenai peruntukan apa-apa perkhidmatan, penempatan

atau kemudahan dan membuat anggapan berhubungan dengannya. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 18 Akta untuk mengadakan penalti tambahan bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh seseorang termasuk pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai-pegawai lain yang seumpamanya dari suatu pertubuhan perbadanan serta oleh suatu pertubuhan perbadanan. Pindaan dalam *fasal 10* memperuntukkan suatu seksyen baru 20A ke dalam Akta dengan mana prinsipal hendaklah bertanggungjawab bagi perbuatan-perbuatan penjawat atau ejennya dalam hal keadaan tertentu. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 22 Akta untuk menggantikan suatu peruntukan baru berkenaan dengan mengambil contoh-contoh. Pindaan yang terkandung dalam *fasal 12* adalah bertujuan meminda seksyen 24 Akta untuk menghendaki pihak defendan dalam kes memberi tempoh notis yang lebih panjang daripada yang ada sekarang apabila mengemukakan pembelaan yang diperuntukkan oleh seksyen 24 (2).

5. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 28 Akta untuk memberi Penolong Pengawal kuasa-kuasa tambahan berhubungan dengan barang-barang dan suratan-suratan yang diambil dan untuk memasuki dan menggeledah premis tanpa mendapat waran. *Fasal 15* bertujuan memasukkan seksyen-seksyen baru 28A dan 28B ke dalam Akta untuk memperuntukkan bagi keadaan-keadaan dalam mana suatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang yang dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah Akta, boleh diterima sebagai keterangan dan juga kerana menjalankan kuasa-kuasa menangkap, menyiasat dan mendakwa oleh Penolong Pengawal.

6. Pindaan-pindaan lain yang dikehendaki dibuat kepada Akta adalah yang berbangkit atau kecil jenisnya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 623.]